

(27)

15/12/2019

E-Document



1500012596



**KENYATAAN / SIARAN AKHBAR**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8888 1008**

**SUMBANGAN RM86 RIBU UNTUK MENGIMARAHKAN  
MASJID DAN SURAU DI PUTRAJAYA**

**PUTRAJAYA, 15 Mei 2019** – Lebih 1,300 orang menghadiri Majlis Ihya Ramadan YB Menteri Wilayah Persekutuan Bersama Warga Perbadanan Putrajaya bertempat di Dewan Sri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Putrajaya.

Majlis disempurnakan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad. Turut hadir Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Dr. Shahrudin Bin Md. Salleh, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim, Anggota PPj, Dato' Dr. Samsu Adabi bin Mamat dan Naib Presiden Kanan PPj, Dato' Omairi Bin Hashim.

Program ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dan ukhuwah di bulan Ramadan disamping menyuburkan sifat mahmudah iaitu bersedekah melalui penyaluran sumbangan dan bantuan kepada masjid dan surau-sarau di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Pada majlis ini, YB Menteri Wilayah Persekutuan menyerahkan cek sumbangan bernilai RM86,000.00 kepada tiga Masjid, 14 surau Jumaat dan 53 surau di Putrajaya. Sumbangan yang disalurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan diagihkan mengikut kategori iaitu RM3,000 bagi kategori masjid, RM2,000 untuk kategori surau Jumaat dan RM1,000 bagi kategori surau.

Dalam majlis yang sama, YB Menteri turut mengedarkan sebanyak 3,600 kotak kurma ke masjid-masjid dan surau-sarau di Putrajaya.

Untuk keterangan lanjut mengenai Majlis Ihya Ramadan YB Menteri Bersama Warga Perbadanan Putrajaya, sila hubungi Pegawai Media, En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887 7347 atau 019 – 3354346.

**(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)**

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 15 Mei 2019